



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Chemical Engineering / Economic / Energy Policy / Petroleum Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- 
- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding selama tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
  - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
  - ii. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menganalisa dan mentafsir isu-isu yang berkaitan dengan sektor minyak dan gas dan tenaga elektrik untuk memberikan maklumat yang berkualiti bagi membantu Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga membuat keputusan yang lebih baik dan bermaklumat;



2. Menyediakan strategi dan laporan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti di bawah sektor minyak dan gas dan tenaga elektrik bagi membantu mengenal pasti *strategic position* Jabatan;
3. Mengenal pasti isu-isu semasa di dalam dan luar negara yang bersangkutan paut dengan *Energy Policy* dan hal ehwal ekonomi bagi sektor minyak dan gas dan tenaga elektrik;
4. Memantau prestasi, perkembangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah sektor minyak dan gas dan tenaga elektrik termasuk melaksanakan sebarang susulan tindakan ke atas perkara-perkara berbangkit yang memerlukan penelitian lanjut dan keputusan mengenainya;
5. Melaksanakan tindakan-tindakan yang diperlukan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga serta portfolio di bawahnya melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti dokongan dan substantif; dan
6. Memberikan panduan, nasihat dan pengetahuan berhubung *Energy Policy* dan hal ehwal ekonomi bagi sektor minyak dan gas dan tenaga elektrik serta portfolio Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga secara keseluruhannya.